

KEDUDUKAN KAFIR DHIMMĪ DI DALAM NEGARA ISLAM

Pada muka 29 keluaran ini ada tersebut perkara membidas Presiden Sukarno yang menyatakan bahawa adanya negara Islam di Indonesia bermakna memecahkan Negara itu kepada beberapa bahagian. Ucapan itu telah dibidas dengan hebatnya oleh pengajur-pengajur Islam Indonesia dan di antara perkara-perkara yang patut diperhati untuk menjauhkan syak orang-orang yang bukan Islam kepada sebuah negara Islam maka seorang penulis bernama H.M Saleh Saududi telah menulis rencana berkenaan dengan kafir dhimmī di dalam negara Islam di dalam harian "Abadi" bertarikh 21 Februari 1953 yang kita fikir mustahak mendapat perhatian orang-orang kita di sini. Rencana itu adalah dipeturunkan di bawah ini:

Rakyat yang tidak beragama Islam (beragama Kristian, Yahudi, Majusi dan sebagainya) yang berada dan hidup dalam negara Islam disebut dhimmī.

Islam membahagi manusia kepada dua golongan besar, iaitu yang beragama Islam (Muslimin), dan yang tidak beragama Islam (kafir). Kafir itu terbahagi kepada tiga golongan, pertama: "Kafir Harbi" iaitu orang yang tidak beragama Islam yang dalam keadaan bermusuh – berperang dengan negara Islam, kedua: "Kafir Ahdi" iaitu orang yang tidak beragama Islam yang dalam keadaan bersahabat dengan negara Islam, ketiga: Kafir "dhimmī" iaitu orang yang hidup di bawah naungan negara Islam.

Adapun Kafir Harbi (musuh perang) maka perlakuan terhadap mereka sebagai perlakuan terhadap musuh dalam peperangan.

Adapun kafir Ahdi (kafir yang berada dalam perjanjian damai dan persahabatan dengan negara Islam) maka perlakuan atas mereka sebagaimana tercantum dalam perjanjian kedua belah pihak.

Sedang kafir dhimmī (orang yang tidak beragama Islam yang menjadi rakyat penduduk warganegara atau tidak dalam negara Islam, maka Islam meletakkan beberapa kewajipan atas negara Islam terhadap mereka, kewajipan-kewajipan mana adalah menjadi hal mereka yang harus dijamin dan diperlindungi oleh negara Islam.

Hak-hak yang harus diperlindungi

Di bawah itu kita sebutkan garis besarnya sahaja, sebab butir-butirnya memerlukan sebuah risalah yang tersendiri.

1. Rakyat bukan Islam berhak mendapat kemerdekaan dan kebebasan memeluk kepercayaan dan melakukan ibadat menurut agama dan kepercayaan masing-masing. Maka negara Islam wajib melindungi hak itu dan mencegah tiap-tiap paksaan atas mereka. Itu ditegaskan dalam Quran ayat : "*lā ikrāh fī al-dīn*" (tidak boleh ada paksaan untuk memeluk agama), *aanta takrahū al-nās hattā yakūnū mu'minūn*"(apakah engkau paksa orang-orang itu sehingga mereka jadi percaya?!), "*iinnamā anta muzakkir lasta 'alayhim bi musayyir*" (engkau Muhammad hanyalah pengingat sahaja dan bukanlah engkau ada dikuasakan memaksa), *man shā' falyu' min waman shā' falyakfir*"(Siapa yang hendak percaya, percayalah, siapa yang hendak kafir, kafirlah) dan lain-lain ayat dan hadis sabda Nabi Muhammad (SAW).

2. Rakyat bukan Islam berhak memelihara dan terpelihara bangunan-bangunan kegamaan mereka, seperti gereja dan sebagainya, maka negara Islam diwajibkan oleh agama Islam melindungi bangunan-bangunan itu. Hal ini tegas dalam ayat : "*wala'lā daf'a Allāh al-nās ba'dahum biba'd lahdimat šawāma' wabya' wašalawāt wamasājid yadhkur fīhā ism Allāh kathīra* (Kalau tidak kerana Allah menolak serangan segolongan manusia (perosak agama) dengan tenaga golongan manusia (pemelihara agama) tentulah telah hancur

binasalah (gereja Kristian dan Yahudi serta kelinting, pagoda dan masjid). Ayat itu dan lainnya menegaskan bahawa Islam bertujuan membela dan memelihara tempat-tempat ibadah dari segala golongan pemeluk agama-agama.

3. Rakyat yang bukan Islam berhak atas jaminan keselamatan diri, jiwa, harta dan kehormatannya dan negara Islam diwajibkan oleh Islam melaksanakan jaminan tersebut dan mencegah tiap-tiap tindakan yang hendak mengganggu hak-hak mereka. Buktinya ayat Quran : “*lā tasubbū alladhīnā kafarū fā yasubbū Allāh 'aduwān bi gayhr 'ilm*”(Janganlah kamu memaki mereka yang tidak percaya (akan Islam), sebab nanti mereka memaki Allah sendiri dengan tidak berdasar pengetahuan) dan hadis Nabi: “*fa man adhā dhimmiyyān faqad adhānī*” (Barang siapa yang mengganggu penduduk yang bukan Islam bererti ia mengganggu aku sendiri).

4. Rakyat yang bukan Islam mendapat persamaan hak dan berkewajipan sebagaimana rakyat yang beragama Islam. Hal ini tegas dalam hadis Nabi Muhammad: *lā hum mā lanā wa 'alaihim ma 'älainā* (Mereka yang bukan Islam mempunyai hak sebagai hak-hak kita dan mempunyai kewajipan sebagai kewajipan kita). Persamaan yang diwajibkan ini tidak mengenai lapangan keyakinan dan ibadah, kerana pemeluk agama yang bukan Islam telah diterangkan di atas, bahawa mereka berhak berkeyakinan dan beribadah menurut agama mereka.

5. Rakyat yang bukan Islam berhak memutuskan segala perkara sivil (perkahwinan perwarisan dan lain-lain) menurut hukum yang ada dalam kitab suci mereka masing-masing dan memilih untuk itu hakim yang mereka suka selain dari hakim Islam, kemudian keputusan pengadilan mereka itu diberi kekuatan sebagai hukum negara oleh negara Islam, iaitu suatu kemerdekaan yang tidak diberikan oleh negara-negara yang semoden-modennya dewasa ini kepada kaum Kristian, dan sebagainya. Ayat Quran dalam hal ini nas berbunyi: “*Wa man lam yaḥkum bimā anzala Allāh ahasiba al-nās an yutrakū yaqūlū amannā wahum lā yustanūn wa laqad fatanna alladhīnā min qalihim falya 'lamanna Allāh alladhīnā ṣadaqū*

walya 'lamanna al-kādhibīn naqūh wa man lam yaḥkum bimā anzala Allāh fā'ilāik hum al-fāsiqūn”

(Hendaklah kaum pengikut Injil, menghukum dengan yang Allah turunkan dalam kitab Injil itu, barang siapa yang tidak menghukum dengan hukuman yang Allah turunkan, maka mereka adalah orang-orang yang fasik.)

Kewajipan

Di sisi hak yang banyak itu maka negara Islam tidak menuntut kewajipan yang lebih berat daripada orang-orang agama lain terhadap negara Islam. Bahkan di dalam beberapa hal diberi di atas. Di antara kewajipan mereka.


Hanya – sebagai kewajipan rakyat Islam sendiri juga – iaitu taat dan setia kepada negara dalam hal-hal yang tidak bertentangan dengan ketentuan dalam Quran dan tidak melanggar keyakinan dan hukum agama mereka. Sebagai pernyataan taat itu dibebankan kepada mereka semacam pajak, jizyah namanya, sehingga bila benar-benar mereka miskin tidak dapat memberinya maka tidak boleh dilakukan pengleongan atas alat-alat pencarian mereka.

Di samping itu mereka diberi kelonggaran tidak boleh dikerah menjadi tentera bila mereka bersedia memikul kewajipan mereka membayar pajak.

Sebagai pengambilan cukai bagi kesetiaan dan ketaatan mereka yang berupa pemberian jizyah (pajak) itu, maka bila mereka masuk Islam jizyah itu dibebaskan. Jizyah itu hanyalah wajib selama negara Islam masih menjamin keamanan dan keselamatan mereka. Bila negara Islam pada suatu waktu tidak sanggup menjamin keamanan dan keselamatan mereka, maka mereka tidak wajib lagi membayar jizyah itu. Pada masa keamanan mereka terganggu gugurlah kewajipan mereka membayar jizyah. Mana negara yang begitu murah memberi kelapangan kepada kaum Kristian dan lain-lain seperti negara Islam? Janganlah melebihi!

Dan harus diingat pula, sebagai imbangan daripada jizyah dan ketaatan mereka, bila mereka sudah tua,

miskin, tidak mampu atau cacat, negara Islam



Pelajar-pelajar Mahad al-Ihyā' al-Sharīf berbaris menyambut

Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak

berkewajipan menjamin mencukupi keperluan hidup mereka yang layak sebagai manusia, member jaminan sosial kepada mereka dari anggaran belanja Negara Islam sendiri dari perbendaharaan negeri (bait al-Mal) Islam sendiri, yang sebahagian besar hasilnya dari zakat sedekah umat Islam.

Demikianlah pokok-pokok hukum Islam dalam Quran dan hadis yang menjamin hak-hak dan kewajipan pemeluk agama-agama lain dalam Negara Islam atau pokok kewajipan Negara Islam terhadap pemeluk agama lain.

Pokok-pokok hukum itu terdapat keterangan dalam kitab-kitab fiqah Islam penuh contoh pelaksanaan dalam sejarah negara Islam pada zaman Nabi Muhammad, Khalifah-khalifah Presiden Republik Islam yang pertama, kedua, ketiga, keempat dan Khalifah-khalifah Islam di Sepanyol sendiri selama Negara Islam berkuasa delapan kurun di sana.

Kerana itulah maka agama-agama Kristian dan Yahudi sampai dewasa ini masih ada di pusat kekuasaan Negara Islam seperti di negeri-negeri Mesir, Iraq, Iran dan lain-lainnya bahkan di Yaman, yang tidak pernah dikuasai oleh Negara asing. Cuba kalau agama Islam memerintahkan paksaan beragama, kalau negara-negara Islam menjalankan politik pembasmian agama-agama lain dengan padangnya, tidak ada bekas-bekas

agama itu di negeri-negeri Islam sebagaimana tidak ada bekas-bekas

Islam di Sepanyol, semenjak Islam dan umat Islam dibasmi

oleh Raja "Ferdinand" di sana.

dengan demikian, maka tertolaklah sangkaan yang tidak

berdasarkan dan kekhawatiran yang tidak berbukti dari

saudara-saudara yang bukan Islam, tetapi belum mendalam mempelajari

isi Islam yang sejernih-jernih dan sejati-jatinya. Bahawa

Islam dan negara Islam akan memaksa orang yang bukan Islam

supaya memeluk Islam dan mengkhantarkan mereka itu, serta memaksa

mereka sembahyang dan puasa sebagai orang Islam. Sebagai

tuduhan yang ditunjukkan oleh Atheist (faham tidak bertuhan),

politik kolonial Belanda kepada murid-muridnya selama ini.

Habis gelap terbitlah terang! Terserah kepada penyiar-penyiar

Islam menjelaskan soal-soal ini dan terserahlah kepada yang

syak untuk memeriksa dan menyelidiki secara terang, jujur

dan tahqiq.

Carilah dan terimalah kebenaran dari mana juga datangnya

Minyak Atar Mekah!



Baunya terlalu harum!

Setiap tahun 7 hari!

Tiada Najis!

Harga sebotol \$3.00 Sedozen \$28.00

Boleh dibeli di kedai:

1. Idris bin Muhammad

326, Princes Road

Kuala Lumpur

2. Amar bin Haji Ali

24 Main Street,

Kuantan

Atau kepada: